

Keempat, terdapat persepsi diskriminasi terhadap masyarakat etnik tertentu yang memihak kepada orang lain. Perangkaan menunjukkan bahawa kecuali satu kerusi, semua 13 kerusi yang mempunyai lebih 20,000 pengundi kerusi majoriti Cina. Semua kerusi majoriti Cina mempunyai lebih daripada purata bilangan pengundi. Ini menggambarkan yang sistem telah dianggap mendiskriminasikan komuniti tertentu. Ini membawa kepada ketidakpuasan dalam masyarakat ini kerana mereka melihat ini sebagai satu system yang tidak adil.

Persepsi terhadap ketidakadilan ini perlu ditangani, kita semua harus percaya bahawa prinsip asas keadilan adalah secara semula jadi - untuk berlaku adil dalam prinsip dan telus dalam prosesnya. Kita harus percaya bahawa kita semua adalah satu komuniti. Prinsip keadilan inilah yang meletakkan asas kepada seluruh masyarakat yang progresif dan prinsip bersederhana.

Kami mencadangkan keseimbangan dilaksanakan semula pada tempoh masa, bermula daripada pindaan yang dicadangkan ini. Adalah dicadangkan kerusi yang mempunyai lebih daripada 20,000 pengundi akan ditandakan semula untuk mengadakan peruntukan bagi kerusi baru atau dikongsi dengan kerusi lain di mana bilangan pengundi bagi setiap kerusi adalah tidak lebih daripada 20,000. Ini tetap akan memberikan nisbah 1 kepada 4 (N.26 Gedong dengan mencadangkan maksimum 20,000 pengundi untuk satu kerusi - 6340: 20,000), iaitu pengurangan sebanyak 1 kepada 5 sepertimana kedudukannya sekarang.

Sepanjang masa pecanggahan ini tetap akan diteruskan pada masa akan datang sehingga kita mencapai prinsip sebenar dan semangat demokrasi, iaitu – untuk setiap pengundi, undian adalah sama berharga.

**Sarawak United
Peoples' Party**

SARAWAKIANS

**WANT
ELECTORAL
FAIRNESS**



Published by

7, Jalan Tan Sri Ong Kee Hui,
93300 Kuching, Sarawak, Malaysia.
P.O.Box 454, 93710 Kuching.
Tel: 082-246999(3 lines)
Fax: 082-256510



Suruhanjaya Pilihan Raya mencadangkan proposal untuk meningkatkan kerusi Negeri kepada 11 kerusi, iaitu daripada 71 kepada 82. Jumlah pengundi di Sarawak adalah seramai 1,109,134. Ini memberikan purata kerusi sebanyak 13,526 undi untuk setiap kerusi.

Kerusi baru N26 Gedong mempunyai paling sedikit pengundi iaitu seramai 6,340, manakala kerusi yang paling banyak mempunyai bilangan pengundi ialah N54 Pelawan seramai 31,388. Ini merupakan nisbah 1 kepada 5.

Terdapat 34 kerusi di mana jumlah pengundi di bawah 10,000. Sebagai tambahan kepada 34 kerusi, terdapat 18 kerusi yang lain di mana bilangan pengundi adalah di bawah purata. Sebaliknya, terdapat 13 kerusi dimana jumlah pengundi lebih daripada 20,000.

Cadangan tersebut tidak memenuhi prinsip kardinal demokrasi, iaitu seorang rakyat satu undi. Di dalam Perlembagaan asal Malaya pada tahun 1957 apabila Malaya baru memperolehi kemerdekaan daripada Britain, prinsip kardinal ini telah digunakan. Perlembagaan itu telah disediakan untuk pengagihan perbezaan sebanyak 15% peratus. Perlembagaan Malaya kemudiannya dipinda pada tahun 1962 untuk meningkatkan perbezaan pengagihan yang tidak melebihi daripada separuh, iaitu nisbah 1:2, untuk menyumbang kepada pembahagian Bandar dan luar Bandar.

“ Bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihanraya haruslah lebih kurang sama banyak kecuali, dengan mengambil kira kesulitan yang lebih berat untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah dan kelemahan yang dihadapi di kawasan luar Bandar, ukuran pengagihan bagi setiap kawasan sepatutnya diberikan kepada bahagian pilihanraya, dimana dalam beberapa kes kawasan pilihan raya luar Bandar mungkin mempunyai separuh daripada pemilih di mana-mana kawasan Bandar.

Pindaan Perlembagaan pada tahun 1973 telah menghapuskan kawalan pengagihan dengan memansuhkan perlindungan di ayat terakhir.

Ini menafikan warganegara berkongsi dalam proses membuat keputusan yang adil. Secara efektif, pengundi Bandar adalah gerakan penentang yang kuat, undian mereka adalah kurang daripada 20% undi orang luar Bandar.

Langkah seperti itu memberikan pengagihan yang sangat berat untuk pengundi luar Bandar, yang juga termasuk membentuk sebahagian besar etnik masyarakat tertentu. Kawasan luar Bandar mempunyai bilangan pengundi yang terendah. Sehubungan itu, politik di Sarawak bergantung dengan kerusi di kawasan luar Bandar dan komuniti-komuniti tersebut.

Tujuan asal untuk membezakan pengagihan telah digariskan dalam perlembagaan pada tahun 1957 – mengambil kira masalah serius untuk pemilih di daerah-daerah dan juga kelemahan lain dalam menangani kawasan luar Bandar. Sebabnya adalah berdasarkan kepada kebolehcapaian dan kekurangan geografi kawasan luar bandar. Ini adalah salah satu factor mengapa kawasan luar bandar memerlukan lebih banyak wakil (walaupun mempunyai pengundi yang lebih rendah).

Secara ringkas, ini bermakna kawasan geografi yang lebih luas dan lebih jauh daripada bandar memerlukan perhatian yang lebih dan memerlukan dana lebih untuk pembangunan.

Kebenarannya untuk kerusi tertentu seperti di Ba'kelalan, Telang Usan dan Belaga. Ini tidak berlaku untuk kerusi kawasan pantai. Sebagai contoh, saiz kerusi yang baru N24 Gedong (6340) adalah lebih kurang saiz kerusi yang baru N13 Batu Kitang (20107). Namun, pengundi kerusi ini mempunyai hak yang jauh berbeza. Pengundi kawasan Gedong mempunyai satu undi tetapi rakan seperjuangannya di Batu Kitang berkesan meraih hanya 32% undian kawasan Gedong ini. Pengundi Pelawan adalah hanya 20% daripada pengundi Gedong.

Alasan ini mempunyai kelemahannya. Pertama, pembiayaan untuk pembangunan kawasan luar bandar tidak semestinya perlu sejajar dengan bilangan wakil-wakil rakyat. Ia adalah suatu perancangan dan perbelanjaan. Malah banyak daripada kerusi daripada kawasan luar bandar kini telah maju dan mempunyai semua kemudahan awam dan infrastruktur asas. Pembangunan di negeri kita telah berkembang sejak 52 tahun yang lalu dari 1962 apabila perlembagaan pertama kali dipinda.

Kedua, ramai penduduk luar bandar telah berpindah ke kawasan bandar dan mengekalkan alamat nominal dan rumah di kampung-kampung atau rumah panjang mereka. Penghijrahan luar Bandar kepada bandar bukan sahaja sangat nyata tetapi adalah mengikut peredaran masa dan rentak. Ini meletakkan tekanan yang besar kepada infrastruktur luar bandar seperti perumahan, pengangkutan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Sebaliknya, kebenaran adalah - kawasan bandar memerlukan pembiayaan yang paling besar untuk memperbaiki dan meningkatkan infrastruktur untuk menampung peningkatan yang semakin banyak pendatang dari luar Bandar. Tanpa peningkatan besar dalam pembiayaan bagi kawasan bandar, penduduk luar bandar adalah orang-orang yang paling terkesan, kerana mereka tidak boleh bergantung kepada kemudahan awam (yang mengharapkan dana awam) apabila mereka sudah bekerja keras. Perumahan dan pengangkutan adalah yang paling ketara.

Ketiga, semua kerusi yang mempunyai pengundi yang tinggi adalah berpangkalan di bandar. Pengundi bandar adalah terdiri daripada golongan yang terpelajar, terlatih dan lebih terdedah. Ia adalah satu sumber bakat manusia dan kepimpinan. Dengan memberikan pengundi bandar lebih wakil yang kemungkinan besar lebih berpendidikan dan terlatih, secara langsung akan memberi manfaat kepada seluruh negeri ini. Kualiti wakil rakyat pasti akan bertambah baik.